

AUDIT KUALITI AIR MARIN DI NEGERI MELAKA

21 OGOS 2023, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat telah menjalankan audit persampelan air marin pada 17 Ogos 2023 yang lepas ke atas kontraktor Pakar Scieno TW Sdn. Bhd (PSTW) dimana Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka juga turut serta. Sebanyak 13 stesen terlibat dalam audit persampelan tersebut melibatkan pesisir pantai, muara sungai dan pulau. Antara stesen yang terlibat dalam audit persampelan ini adalah;

Stesen Pesisir Pantai (7 stesen)

MMMC002 Pantai Kundur

MMMC001 Pantai Rombang

MMMC007 Pulau Melaka B1

MMMC008 Pulau Melaka B2

MMMC005 Pulau Melaka A1

MMMC006 Pulau Melaka A2

MMMC009 Pantai Klebang

Stesen Muara Sungai (4 stesen)

MMME001 Kuala Sg. Melaka 1

MMME002 Kuala Sg. Melaka 2

MMME008 Kuala Sg. Lereh

MMME002 Kuala Sg. Sri Melaka

Stesen Pulau (2 Stesen)

MMMR001 UPEH A

MMMR002 UPEH B

Untuk makluman jumlah keseluruhan stesen pemantauan marin di Negeri Melaka adalah sebanyak 24 stesen persampelan dimana 23 stesen adalah stesen manual dan 1 stesen adalah stesen automatik yang terletak di Pulau Undan. Data-data persampelan air marin yang dicerap akan digunakan untuk pengiraan Indeks Kualiti Air Marin Malaysia (IKAM). Penggunaan Indeks Kualiti Air Marin merupakan satu kaedah untuk menilai dan melaporkan status kualiti air di persekitaran marin negara. Untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang https://mqims.doe.gov.my/mqims_manual/home_manual.html.

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama](#)